

Sumbangan Tamadun Mesopotamia

Pemerintahan dan Pentadbiran

- Raja memerintah negara-kota.
- Negara-kota bersatu membentuk empayar yang pertama.
- Lahirnya undang-undang yang dikenali dengan Kod Hammurabi.
- Sumbangan Raja Hammurabi:
 - Membina bangunan, memperbaiki sistem pungutan cukai dan menggalakkan kegiatan perdagangan.
 - Memperkenalkan Kod Undang-undang Hammurabi yang mengandungi 282 perkara merangkumi hal perdagangan, kecurian, denda dan hukuman.

Kegiatan Ekonomi

- Ekonomi ditadbir oleh raja dan golongan agama.
- Kerajaan menentukan jumlah tanaman dan bilangan petani.
- Wujud pekerjaan seperti petani, jurukira, pegawai dan hamba.
- Lebihan hasil pertanian telah mewujudkan pengkhususan pekerjaan.
- Petani bertukar menjadi peniaga, pedagang dan artisan.
- Muncul pengusaha tekstil, barangan tembikar dan alat keperluan harian.
- Aktiviti perdagangan meluas sehingga ke Lembah Indus.
- Pertambahan penduduk telah meningkatkan permintaan tukang rumah bagi membina rumah.

Teknologi

- Pembinaan sistem tali air.
- Penciptaan tulisan kuneiform.
- Penciptaan roda, sauh dan bajak.
- Mencipta emas dan rekaan berasaskan gangsa.
- Mencipta kertas daripada papyrus.
- Perkembangan pesat dalam bidang perubatan, astronomi dan matematik.
- Pengenalan kalendar 12 bulan.
- Pengenalan sistem nombor berasaskan 60.
- Membahagikan masa kepada 60 minit.
- Membahagikan bulatan kepada 360 darjah.
- Mencipta formula bagi mengira pelbagai bentuk geometri, bulatan dan segi tiga.
- Mencerap pergerakan bulan, planet dan bintang.

Kesenian dan Kesusasteraan

- Pengenalan tulisan kuneiform.
- Penulisan puisi.
- Rekaan patung untuk mengingati pemimpin.
- Mengukir pada batu untuk merakamkan peristiwa yang berlaku.
- Contoh, tulisan epik Enuma Elish yang mengisahkan Apsu dan Tiamat.

Binaan Bangunan dan Kemudahan

- Pembinaan zigurat sebagai rumah ibadat.
- Taman Tergantung Babylon yang dibina oleh Raja Chaldea.

Sumbangan Tamadun Mesir Purba

Pemerintahan dan Pentadbiran

- Firaun berkuasa mutlak.
- Memerintah negara seperti kuasa tuhan.
- Firaun berperanan menjaga keamanan dan kemakmuran ekonomi.
- Raja mempercayai konsep kehidupan selepas mati dan menghormati mayat dengan menanam bersama pelbagai peralatan.

Kegiatan Ekonomi

- Kegiatan utama ialah pertanian kerana majoriti penduduk ialah petani.
- Petani membayar sewa tanah kepada raja.
- Kegiatan perdagangan dan perlombongan emas.
- Pengkhususan pekerjaan dalam bidang penenunan, pembuatan tembikar dan peralatan harian.
- Eksport utama ialah tekstil dan kertas.
- Sungai Nil yang lebar dan dalam membolehkan kapal dagang berlabuh di pelabuhan seperti Memphis, Elephantine dan Thebes.

Teknologi

- Pembinaan terusan dan pengairan.
- Perkembangan pesat dalam bidang perubatan.
- Kemajuan matematik, geometri dan astronomi.
- Pengenalan sistem kalendar 365 hari.
- Penghasilan kertas yang dipanggil papyrus.
- Penciptaan dakwat hitam.
- Pengenalan tulisan hieroglif untuk menulis teks agama dan dokumen penting.

Kesenian dan Kesusasteraan

- Pengenalan tulisan hieroglif.
- Melakar hasil seni di tembok batu sebagai lukisan dinding serta kawasan perkuburan.
- Terdapat lukisan di dinding bangunan dan kuil.

Binaan Bangunan dan Kemudahan

- Pembinaan sfinks.
- Pembinaan tempat ibadat.
- Pembinaan piramid yang menjadi kawasan perkuburan firaun.

Sumbangan Tamadun Indus

Pemerintahan dan Pentadbiran

- Pendeta mengetuai pemerintahan dan mempunyai pengaruh besar dalam pentadbiran dan keagamaan.
- Kajian arkeologi membuktikan tidak wujudnya pemerintahan beraja di Lembah Sungai Indus.

Kegiatan Ekonomi

- Menjalankan pertanian secara bersepadu.
- Tanaman utama ialah gandum, kacang dan barli.
- Menternak lembu dan kambing.
- Terdapat kegiatan penenunan kain, pertukangan logam dan pembuatan tembikar.
- Aktiviti perdagangan dijalankan dengan pedagang dari Mesopotamia.
- Hasil dagangan seperti emas, gading gajah, manik dan hasil pertanian.

Teknologi

- Pembinaan kota mengikut grid yang tepat.
- Kebolehan mengukur sukatan panjang dan masa dengan tepat.
- Penciptaan sistem menyukat berat dan sukatan.
- Pembinaan batu-bata mengikut ukuran saiz yang tepat.
- Penciptaan tembaga, gangsa dan timah.
- Pembinaan bandar terancang di Mohenjo-Daro yang sistematik.
- Pembinaan sistem perparitan dan pembentungan.
- Pengenalan 365 hari dalam setahun.
- Penciptaan kertas.

Kesenian dan Kesusasteraan

- Pengenalan tulisan piktograf.
- Menghasilkan balang yang mempunyai ukiran geometri dan motif alam.
- Menghasilkan kerja logam seperti tembaga, gangsa dan batu permata.
- Menghasilkan patung daripada batu dan logam.

Binaan Bangunan dan Kemudahan

- Pembinaan kolam mandi besar.
- Pembinaan kota mengikut grid yang tepat.
- Pembinaan dewan perhimpunan dan jelapang.
- Pembinaan sistem paip dan pembentungan.
- Air mandian disalurkan ke dalam longkang batu-bata di bawah jalan raya.

Sumbangan Tamadun Huang He

Pemerintahan dan Pentadbiran

- Berasaskan negara-kota.
- Raja berkuasa dalam ekonomi, politik dan agama.
- Menurut kepercayaan masyarakat China, raja mendapat mandat daripada tuhan atau syurga untuk memerintah.
- Pembahagian kelas sosial dan sistem pemerintahan berasaskan dinasti.

Kegiatan Ekonomi

- Kegiatan utama ialah pertanian.
- Menanam padi, sekoi, gandum dan barli.
- Menternak babi, lembu, kambing dan ayam.
- Pembinaan terusan, pengenalan teknologi pembajakan, penciptaan cangkul dan sabit serta penggunaan batas.

Teknologi

- Pembinaan terusan.
- Penciptaan tulisan daripada lukisan.
- Kemajuan dalam pengangkutan jalan.
- Penciptaan alat pertanian daripada kayu dan besi.
- Penciptaan benang sutera, wang syiling dan kompas magnetik.

Kesenian dan Kesusasteraan

- Penulisan berasal daripada piktograf.
- Mencipta puisi yang romantik.
- Mengolah lirik dalam pelbagai bentuk mengikut tradisi masyarakat.
- Melukis hasil seni pada tembikar.
- Menghasilkan reka cipta daripada tembaga semasa pemerintahan Dinasti Shang.

Binaan Bangunan dan Kemudahan

- Tidak banyak monumen yang dibina.
- Bandar pertama dibina pada zaman Dinasti Shang, iaitu Anyang.
- Istana dan rumah ibadat dibina di tengah-tengah bandar.